

U B797 AAB  
MAHATHIR - UMNO

KOTA BAHARU, 12 MAC (BERNAMA) -- AMALAN DEMOKRASI TIDAK AKAN BERMAKNA JIKA PEMILIHAN PEMIMPIN DILAKUKAN SEKADAR MENGIKUT PERLEMBAGAAN TANPA MENGHIRAUKAN KEPENTINGAN PERPADUAN YANG MENJADI TUNGGAK KEKUATAN PARTI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED.

KATANYA, WALAUPUN AHLI-AHLI UMNO MEMPUNYAI KEBEBASAN UNTUK MEMILIH SESEORANG PEMIMPIN UNTUK MENERAJUI PARTI SEPERTI YANG DIBENARKAN OLEH PERLEMBAGAAN, MEREKA PERLU MEMASTIKAN PERPADUAN WUJUD DALAM PARTI DAN SELURUH ANGGOTANYA BERSATU.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN UMNO NEGERI DI SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA AMALAN DEMOKRASI YANG MENJADI PILIHAN RAKYAT TIDAK AKAN BERMAKNA JIKA WUJUD PERPECAHAN DALAM PARTI DAN AKHIRNYA MENEMUI KEHANCURAN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA PERJUANGAN UMNO AKAN HANYA BERKESAN SEKIRANYA PARTI ITU KUAT DAN KUKUH.

SEBALIKNYA PERJUANGAN PARTI TIDAK AKAN BERKESAN JIKA PEMIMPIN YANG MENANG DALAM PERTANDINGAN TIDAK MENDAPAT SOKONGAN SEPENUHNYA DARI AHLI-AHLI KERANA ADANYA PERPECAHAN, JELAS DBELIAU. -- LAGI  
2028MST 12 03 87

U B798 AAB  
MAHATHIR - UMNO 2 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA JIKA MENANG PUN PEMIMPIN BERKENAAN TIDAK AKAN MENDAPAT KEHORMATAN DARI SELURUH ANGGOTA PARTI KERANA UNTUK MENJADI SEBUAH PARTI YANG KUAT DAN BERKESAN PEMIMPIN PARTI PERLU MENDAPAT SOKONGAN RAMAI.

+TANPA SOKONGAN RAMAI, PEMIMPIN TIDAK AKAN BERKESAN SAMA SEKALI KERANA PERJUANGAN PARTI TIDAK TERLETAK KEPADA KEPINTARAN SEMATA-MATA+.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU BERKATA AHLI-AHLI UMNO PERLU MEMAHAMI SEJARAH UMNO UNTUK MENJADI TELADAN AGAR KEJADIAN PEMIMPIN YANG KALAH DAN KEMUDIAN MENINGGALKAN PARTI UNTUK MENENTANG PULA UMNO TIDAK BERULANG.

PERTUKARAN PEMIMPIN AKAN TERUS BERLAKU, TETAPI INI TIDAK AKAN BERGUNA JIKA IA CUMA AKAN HANYA MEMBAWA KEHANCURAN.

MENURUT BELIAU UMNO MENDAPAT SANJUNG DAN PENGHORMATAN DARI PARTI-PARTI LAIN KERANA KEKUATAN YANG ADA PADANYA DISEBABKAN OLEH PERPADUAN YANG WUJUD DI KALANGAN AHLI SEHINGGA MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN BAIK DI PERINGKAT NEGERI ATAU PUN PUSAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MAHU SUATU MASA NANTI PADA TAHUN 2,000 TERDAPAT SEJARAWARAN MENULIS SEJARAH KEJATUHAN UMNO. -- LAGI  
2033MST 12 03 87

U B799 AAB  
MAHATHIR - UMNO 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI MEMINTA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMPUNYAI PERASAAN SAYANG KEPADA UMNO KERANA IA MERUPAKAN SATU-SATUNYA PARTI YANG DAPAT MENYATUPADUKAN ORANG-ORANG MELAYU DI SELURUH NEGARA DI BAWAH COGANKATA +BERSATU, BERSETIA DAN BERKHIDMAT+.

KATANYA, WALAUPUN UMNO MENGHADAPI MUSUH-MUSUH SEPERTI PARTI-PARTI LAWAN, ZIONIS, KAPITALIS BARAT DAN SEBAGAINYA TETAPI MUSUH UMNO YANG SEBENARNYA IALAH ANGGOTA UMNO SENDIRI.

INI KERANA ANGGOTA PARTI TERBAWA-BAWA KEPADA SESUATU KEINGINAN HINGGA LUPA TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN UNTUK BERJUANG MEMPERTAHAKAN MARUAH BANGSA, NEGARA DAN AGAMA.

BELIAU BERKATA UMNO BUKAN MILIK INDIVIDU YANG BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN SESEORANG PEMIMPIN TETAPI ADALAH MILIK GENERASI AKAN DATANG YANG AKAN MENYAMBUNG PERJUANGAN BANGSA MELAYU.

KATANYA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SELURUH PEMIMPIN DAN ANGGOTA PARTI MENINGGALKAN UMNO KEPADA GENERASI AKAN DATANG DALAM KEADAAN YANG TIDAK KUCAR-KACIR. -- LAGI

2039MST 12 03 87

U B803 AAB  
MAHATHIR - UMNO 4 KOTA BAHARU

SEBELUM ITU, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Datuk Haji Mohamed Yaacob berkata pertandingan merebut jawatan dalam UMNO bukanlah satu perkara yang wajib.

Bagaimanapun, katanya pertandingan patut juga diadakan bila ia benar-benar perlu selari dengan demokrasi yang diamalkan oleh UMNO.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan yakin pertandingan merebut jawatan dalam UMNO tidak akan menjejaskan parti jika ia berjalan mengikut landasan perlembagaan.

Katanya, biarpun ada pihak yang mengapi-apikan para pemimpin UMNO, pertandingan tidak akan menghancurkan dan memusnahkan UMNO, sebaliknya parti itu akan tetap teguh dan bersatu padu serta dapat membuktikan andaian pihak-pihak tertentu bahawa UMNO akan berpecah adalah tidak tepat.

+CAREK-CAREK BULU AYAM AKAN BERCANTUM SEMULA DAN AIR DITETAK TIDAK AKAN PUTUS+, KATANYA.

Datuk Seri Dr Mahathir memalu gong sebagai menyempurnakan perasmian bangunan itu.

Antara yang hadir ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Penerangan Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Perusahaan Awam Datin Paduka Rafidah Aziz dan Menteri-Menteri Besar Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan serta Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Rahim Thamby Chik. - BERNAMA.

2049MST 12 03 87